

20/01/2000

YPEIM sedia pelbagai program pembangunan

Nor Liza Ahmad

SEJAK ditubuhkan pada 1976 dan dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad penghujung 1984, Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YPEIM) sudah melalui pelbagai perkembangan menarik.

Daripada institusi yang dianggap statik dalam tempoh lapan tahun sejak penubuhannya, YPEIM kini menjadi sebuah institusi yang semakin cergas sebaik saja beroperasi sepenuhnya pada 1985.

YPEIM sudah melalui fasa perkembangan yang organik dalam tempoh 1985 sehingga 1993 dan semakin rancak sejak 1995.

Ketua Pengarah YPEIM, Abd Malek Awang dalam pertemuan dengan Berita Harian, baru-baru ini menyingkap perkembangan institusi itu sejak penubuhannya lebih 23 tahun lalu.

Katanya, daripada menjalankan kegiatan yang agak kurang canggih, YPEIM mula mengambil pendekatan strategik dalam melaksanakan program lebih terancang mulai 1994, yang kemudiannya dimantapkan melalui pelaksanaan program utama.

"Sokongan dan kerjasama pelbagai pihak turut menyumbang kepada pengukuhan operasi YPEIM. Kami berharap perkembangan yang memberangsangkan ini akan terus mewarnai masa depan YPEIM sebagai lambang perpaduan dan kerjasama ummah kita dalam menjayakan matlamat Pembudayaan Amal Jariah di kalangan masyarakat Islam.

"Dengan terlaksananya pelbagai program yang bertujuan meningkatkan taraf sosio ekonomi ummah, di samping mendapat dokongan yang memberangsangkan dari hampir semua sektor, YPEIM berjaya meletakkan landasan kukuh untuk muncul sebagai sebuah institusi ummah utama berasaskan Budaya Beramal Jariah," katanya.

YPEIM dilihat mempunyai kelebihan tersendiri dalam konteks pembasmian kemiskinan, membangunkan semangat keusahawanan dan menyediakan kemudahan mikro kredit terutama kepada golongan berpendapatan rendah.

"Pembabitan YPEIM dalam perniagaan dianggap masih baru, meskipun sudah bergiat dalam kegiatan pelaburan secara am sejak penubuhannya bagi menggerakkan Dana Amal Jariah masyarakat kita awal 1985," jelas Abd Malek.

Di antara bidang yang turut diterokai oleh YPEIM ialah sektor perkhidmatan seperti kewangan dan pelancongan serta industri hartanah.

Kegiatan berkenaan dilaksanakan melalui Permodalan YPEIM, institusi milik penuh YPEIM yang bertanggungjawab sebagai agensi pelaburan utama bagi mempelbagaikan portfolio pelaburan sedia ada.

"Pada masa yang sama elemen tertentu turut menjadi pertimbangan yang antaranya pelaburan berkenaan perlulah terdapat unsur syarak atau amal jariah.

"Walaupun masih terlalu awal untuk mengukur prestasi bidang perniagaan yang diceburi, namun perkembangan sekarang menunjukkan tanda-tanda memberangsangkan.

"Dalam sektor kewangan umpamanya, pelaksanaan Skim Ar-Rahnu sudah mencapai tahap membanggakan. Selain berupaya membantu lebih 400,000 pelanggan, ia turut menyumbang pulangan pelaburan yang baik," katanya sambil menambah skim berkenaan mencatat pulangan melebihi 8.7 peratus setahun dalam tempoh tiga tahun berturut-turut.

Abd Malek berkata, kesan kegawatan yang melanda negara lebih dua tahun lalu bagaimanapun tidak menjejaskan pertumbuhan operasi YPEIM.

Katanya, amalan pelbagai langkah strategik dan proaktif di samping pengurusan tinggi adalah faktor penting dalam membantu institusi itu untuk

mengharungi kegawatan ekonomi.

Setelah mengharungi pelbagai cabaran dan kesukaran, ternyata hasrat untuk menjadikan amal jariah sebagai asas bagi menggerakkan YPEIM dalam memenuhi tanggungjawab sosial, kini sudah menampakkan hasil yang baik.

Dalam konteks pembasmian kemiskinan dan pembangunan usahawan khususnya peniaga kecil, YPEIM dilihat berfungsi penting bagi merealisasikan usaha kerajaan itu.

Ini turut diimbangi dengan memberikan penekanan kepada pembangunan insan khusus dari aspek pembangunan minda sebagai sebahagian agenda utama untuk meningkatkan taraf sosio ekonomi ummah.

"Kami percaya ia adalah perjuangan yang berterusan, selaras dengan matlamat penubuhan YPEIM. Apa yang pasti ia perlu diselarakan dengan wawasan korporat yang menjadikan tahun 2020 titik penentu pencapaian sebenar institusi ini," jelasnya.

Bagi memastikan matlamat itu mampu dicapai, YPEIM akan terus memantapkan perkhidmatan skim yang bersesuaian dalam usaha meningkatkan taraf sosio ekonomi masyarakat Islam.

Antara program yang terus dimantapkan termasuk Skim Ar-Rahnu, Skim Amanah Niaga Bandar, Skim Peniaga Kecil Berdaya Maju dan Program Pembangunan Usahawan.

"Daripada pengalaman kami, kelemahan yang dikenal pasti mempengaruhi pembangunan usahawan di kalangan masyarakat Islam ialah persoalan keyakinan diri dan keupayaan mencari seterusnya merebut peluang perniagaan dari semasa ke semasa.

"Mereka seharusnya bersedia melengkapkan diri dengan ilmu dan kemahiran bidang yang diceburi, sebaliknya YPEIM hanya bertindak sebagai pembantu dan pemudah cara," kata Abd Malek.

Dalam menghadapi persaingan pasaran masa kini, YPEIM akan terus menumpukan perhatian bagi menyediakan produk bermutu yang bersesuaian bagi memenuhi kehendak pasaran.

"Pada masa sama, kami akan meningkatkan keupayaan dan kemahiran dalam menelaah sambutan pelanggan terhadap perkhidmatan yang disediakan di samping melakukan penilaian produk dari semasa ke semasa dan perlu sesuai kepada kehendak kumpulan sasaran," katanya.

Dalam memasuki alaf baru, YPEIM berazam untuk meningkatkan keupayaan operasi sedia ada bagi merealisasikan hasrat penubuhannya.

"Alaf baru mula diwar-warkan sebagai alaf yang bakal menyaksikan pelbagai perkembangan luar biasa sama ada dari segi kepesatan berganda dalam kecanggihan teknologi maklumat (IT) dan komunikasi.

"Alaf ini juga akan berhadapan dengan perkembangan globalisasi yang mana akan membawa kesan besar kepada pertumbuhan ekonomi negara. Apa yang lebih penting dalam konteks ini ialah kesan terhadap peniaga kecil dan usahawan tempatan sama ada dari segi perniagaan mahupun psikologi dan cara mereka berfikir," katanya.

Selain terus komited dengan wawasan yang digagaskan dalam konteks penubuhannya, YPEIM akan memberi keutamaan bagi mempersiapkan pasukan besar dalam merealisasikan wawasannya sekali gus menelusuri alaf baru yang serba mencabar.

"Apa yang kami harapkan ialah martabat dan mutu ummah akan diangkat dan ditingkatkan menjelang 2020, selaras memenuhi wawasan negara yang diilhamkan oleh Perdana Menteri," katanya.

(END)